**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN**
*(FOOD SAFETY AND QUALITY DIVISION)*
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
*(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)*
ARAS 3, BLOK E7, PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
**62590 PUTRAJAYA**

Tel : 603 - 8883 3888
Faks: 603 - 8889 3815/3341
Kawat: MINHEALTH, KUALA LUMPUR

http://fsq.moh.gov.my
E-mail: fsq-division@moh.gov.my

Rujukan : (39) dlm.KKM-163/EX/ i Jld. 9
Tarikh : ) Ogos 2012

**SENARAI SEPERTI EDARAN**

Tuan,

**KEPERLUAN PENGEKSPORTAN MAKANAN KE CHINA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan, pihak *General Administration Quality Supervision Inspection and Quarantine* (AQSIQ) telah menetapkan bahawa semua pengeksport yang mengeksport makanan ke China perlu berdaftar dengan pihak AQSIQ melalui AQSIQ *E-Filing* di laman web *http://ire.eciq.cn*. Keperluan ini akan berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2012**. Bersama-sama ini disertakan *Provisions for Administration of the Registration of Foreign Exporters/Agents of Food Products and Consignee of Imported Food Products to China* seperti di **Lampiran 1** (bahasa Inggeris) dan **Lampiran 2** (bahasa Mandarin) untuk perhatian pihak tuan.

3. Sehubungan itu, Bahagian ini dengan sukacita memohon kerjasama pihak tuan untuk memaklumkan pihak pengeksport yang mengeksport makanan ke China mengenai perkara di atas.

4. Selain itu, kerjasama pihak tuan juga adalah dipohon untuk memaklumkan pihak pengeksport yang mengeksport makanan ke China untuk memaklumkan Bahagian ini sejurus selepas pihak pengeksport tersebut berdaftar dengan pihak AQSIQ.

Kerjasama daripada pihak tuan amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(LEONG SIEW HONG)**
b.p. Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

**SENARAI EDARAN**

1. Pengerusi
   Persatuan Perusahaan Makanan Sejuk Beku Malaysia (MFFPA)
   60-B, 2nd Floor, Jalan Perai Jaya 4,
   Bandar Perai Jaya,
   13600 Perai, Pulau Pinang

2. Pengerusi
   Persatuan Industri Udang Malaysia
   209-B Jalan Genting Klang
   53300 Setapak
   Kuala Lumpur

3. Pengerusi
   Persatuan Industri Makanan Laut Malaysia
   28 S, Jalan Bidara 2/5
   Taman Bidara
   68100 Selayang
   Selangor

4. Pengerusi
   Small and Medium Enterprise Malaysia
   5-5 Jalan USJ 9/5 Q
   47620 Subang Jaya
   Selangor